



# PACIFIC & ORIENT INSURANCE CO. BERHAD

No. Pendaftaran 197201000959 (12557-W)

Ahli Kumpulan Pacific & Orient

Tingkat 11, Wisma Bumi Raya, No. 10, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur.

P. O. Box 10953, 50730 Kuala Lumpur. Laman : [www.poi2u.com](http://www.poi2u.com)

Telefon: 03-2698 5033 Faks: 03-2693 8145 Talian Bebas Tol: 1 800 88 2121

SST Registration No./ No. CP - W10-1808-31021805

## LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

(Baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil Polisi Barangan Dalam Transit. Pastikan anda juga telah membaca terma dan syarat am.)

## Polisi Insurans Barangan Dalam Transit

Tarikh:

### 1. Apakah produk ini?

Polisi ini menyediakan insurans terhadap kehilangan, kemusnahan atau kerosakan pada harta anda akibat kebakaran, kecurian atau kemalangan ketika ia di dalam atau di atas atau semasa diangkut ke atas atau turun dari sebarang kenderaan jalan raya atau kereta api pengangkut awam atau barang atau ketika disimpan bagi waktu sementara sama ada di atas atau di luar kenderaan pengangkutan ketika dalam transit biasa.

### 2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Polisi ini meliputi perlindungan terhadap kehilangan, kemusnahan atau kerosakan kepada harta anda akibat kebakaran, kecurian, atau kemalangan semasa dalam transit. Syarikat insurans ada pilihan sama ada untuk membaiki, mengembalikan atau menggantikan harta yang hilang atau rosak, atau membayar secara tunai jumlah kerugian atau kerosakan.

Tempoh perlindungan adalah selama satu tahun. Anda perlu memperbaharui perlindungan insurans setiap tahun.

### 3. Berapa banyak premium yang saya perlu bayar?

Jumlah premium yang anda perlu bayar mungkin berbeza bergantung kepada jenis perlindungan/manfaat yang diperlukan, jenis barangan yang diinsuranskan, anggaran perolehan tahunan / 'carrying value' dan keperluan pengunderaitan syarikat insurans.

### 4. Apakah yuran dan caj yang saya perlu bayar?

Jenis	Jumlah
▪ Komisen yang dibayar kepada ejen insurans	▪ 15% daripada premium
▪ Duti setem	▪ RM10
▪ Cukai Perkhidmatan (CP)	▪ 6% daripada premium

### 5. Apakah terma-terma dan syarat-syarat yang saya harus ketahui?

- Kewajipan Pendedahan:
  - a) Kontrak Insurans Pengguna
    - Menurut Perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon insurans ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan dalam Borang Cadangan ini dengan lengkap dan tepat.

- Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans anda, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.
- Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.
- Sebagai tambahan kepada soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon insurans ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan.
- Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.

b) Kontrak Insurans Komersial

- Menurut Perenggan 4(1) Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda berkewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan, dan apa-apa perkara yang munasabah yang boleh dijangka, jika tidak ia boleh menyebabkan pembatalan kontrak insurans, keengganan atau pengurangan ganti rugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.
  - Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.
  - Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.
- Anda mesti memastikan borang cadangan dilengkapi dengan tepat kerana iai merupakan asas kontrak insurans.
  - Premium yang perlu dibayar mesti dibayar dan diterima oleh kami dalam tempoh 60 hari dari tarikh berkuatkuasanya polisi. Sekiranya syarat ini tidak dipatuhi, maka kontrak ini akan batal secara automatik dan kami berhak ke atas premium secara pro-rata bagi tempoh kami menanggung risiko.
  - Apabila berlakunya sesuatu peristiwa yang menimbulkan atau mungkin menimbulkan tuntutan di bawah polisi ini, anda harus:
    - a. memberi notis bertulis dengan segera kepada kami menyatakan keadaan (melainkan jika notis diterima oleh kami dalam tempoh 1 bulan dari tarikh berlakunya kejadian tersebut, kami seharusnya tidak mempunyai liabiliti terhadap sebarang kehilangan atau kerosakan yang berlaku berkaitan dengan kejadian tersebut);
    - b. memberitahu pembawa atau syarikat keretapi atau perkapalan atau pihak berkuasa yang mana harta yang diinsuranskan berada di bawah jagaannya semasa berlakunya kejadian tersebut; dan
    - c. memberitahu polis dalam kes kehilangan, kecurian atau kemalangan.
  - Anda harus menyerahkan kepada kami tuntutan secara bertulis bagi kehilangan dan kerosakan dalam tempoh 7 hari selepas sebarang kehilangan atau kerosakan yang datang kepada pengetahuan anda atau dalam masa lanjutan yang dibenarkan oleh kami.
  - Anda tidak harus menanggung sebarang perbelanjaan untuk membaiki sebarang kerosakan dan tidak harus membuat atau memberi atau membenarkan untuk dibuat atau diberi bagi pihak anda sebarang pengakuan, tawaran, persetujuan, pembayaran atau indemniti tanpa kebenaran bertulis dari kami.
  - Anda mesti mematuhi dan memenuhi peraturan-peraturan, peruntukan-peruntukan, syarat-syarat, fasal dan pengendorsan polisi ini.

## 6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi sesetengah kerugian, seperti:

- Kehilangan atau kemusnahan atau kerosakan kepada ternakan, bahan letupan, barangan yang mempunyai sifat bahaya, tembakau, rokok, cerut, wain, spirit, radio, televisyen, pita perakam, bulu, jamtangan, jam, barang emas dan perak, logam dan batu berharga, emas, wang tunai, nota bank, setem, surat ikatan, bon, sekuriti, bil pertukaran, dokumen, manuskrip atau pelan;

- Kemusnahan atau kerosakan kepada kaca cina, tembikar, gambar, instrumen saintifik, patung-patung marmar atau plaster, melainkan disebabkan oleh kebakaran, kecurian atau kemalangan kepada kenderaan pengangkut atau objek jatuh ke atas kenderaan pengangkut;
- Kehilangan sebarang cecair, gas atau barangan dari kontena melalui kebocoran atau limpahan melainkan disebabkan oleh kebakaran atau kemalangan kepada kenderaan pengangkut atau objek jatuh ke atas kenderaan pengangkut;
- Kehilangan, kemusnahan atau kerosakan yang disebabkan oleh cuaca, keadaan atmosfera, haus dan lusuh, binatang perosak pembungkusan rosak, cangkuk, kelewatan, kehilangan pasaran, susut nilai, kemerosotan atau kerugian turutan dalam apa jua bentuk;
- Kehilangan, kemusnahan atau kerosakan semasa harta disimpan buat sementara waktu semasa transit bagi tujuan penyimpanan, pembentukan, pembungkusan atau pemerosesan.

#### 7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

- Anda boleh membatalkan polisi anda pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis kepada kami,
- Kami juga boleh membatalkan polisi dengan memberi anda notis 14 hari secara bertulis melalui surat berdaftar kepada alamat anda yang terakhir; dan
- Sekiranya pembatalan dibuat oleh kami, anda layak mendapat balik bayaran premium yang telah dibayar pada kadar yang bersamaan dengan tempoh insuran yang belum luput.

#### 8. Apakah yang saya perlu lakukan jika terdapat perubahan pada butiran peribadi saya?

Ia adalah penting yang anda memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan dalam butiran perhubungan anda untuk memastikan bahawa semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

#### 9. Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai insurans barangan dalam transit, anda boleh menghubungi kami atau mana-mana cawangan kami.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Pacific & Orient Insurance Co. Berhad  
 Tingkat 11, Wisma Bumi Raya,  
 No. 10, Jalan Raja Laut,  
 50350 Kuala Lumpur.  
 Tel : 03-2698 5033 Faks No.: 03-2693 8145  
 E-mel : [poi2u@pacific-orient.com](mailto:poi2u@pacific-orient.com)

#### 10. Lain-lain jenis perlindungan insurans barangan dalam transit yang boleh didapati:

- Tiada.

*Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh terma, syarat dan pengecualian di bawah polisi ini.*

#### **NOTA PENTING:**

**ANDA MESTI PASTIKAN HARTA ANDA DIINSURANSKAN PADA JUMLAH YANG BERSEKUTUAN MEMANDANGKAN IA AKAN MENJEJASKAN JUMLAH YANG BOLEH DITUNTUT. ANDA HARUS MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU MENGHUBUNGI TERUS SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.**

Maklumat yang diberikan dalam lembaran pendedahan ini adalah penerangan ringkas untuk rujukan cepat dan mudah. Terma-terma dan syarat-syarat tepat yang diperlukan adalah terkandung dalam kontrak polisi.

*Pacific & Orient Insurance Co. Berhad adalah dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal oleh Bank Negara Malaysia.*

Maklumat yang diberikan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah pada 01.01.2021.